

## BENGGEL *HANDS-ON* SASARAN KERJA UTAMA (SKU) KE DALAM SUBMODUL MYPERFORMANCE INSTUN

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Bengkel *Hands-On* Sasaran Kerja Utama (SKU) ke Dalam Submodul MyPerformance INSTUN pada 4 Oktober 2022 secara bersemuka di Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), INSTUN. Secara keseluruhannya, kursus ini telah disertai oleh seramai 21 orang peserta. Bengkel ini disasarkan kepada Pentadbir SKU Agensi di peringkat bahagian yang telah dilantik di setiap Bahagian/ Seksyen.

Objektif kursus ini adalah bagi memastikan proses mengunci masuk Sasaran Kerja Utama (SKU) di peringkat bahagian dapat dilaksanakan dalam usaha menyokong pembangunan Submodul MyPerformance menggantikan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), merupakan salah satu KPI HRMIS dan bagi memastikan arahan penggunaan MyPerformance bagi penggunaan Modul Pengurusan Prestasi dan LNPT HRMIS tahun penilaian 2022 dan 2023 secara serentak (*dual system*) di INSTUN dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Penceramah bengkel ini ialah Puan Amallia binti Mohd Sabry, selaku Ketua Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, INSTUN.





